



**PERUTUSAN DATUK BANDAR**  
**MESYUARAT MAJLIS BIL. 1/2018 (PENGAL 2018/2020)**  
**31 JULAI 2018 (18 ZULKAEDAH 1439H)**

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang telah bersama-sama memberikan kerjasama dan komitmen yang sepenuhnya kepada Majlis bagi memastikan pelbagai program dan aktiviti yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.

Selaku Datuk Bandar Petaling Jaya, saya akan sentiasa menitikberatkan perkhidmatan yang berkualiti dan berintegriti diberikan kepada warga Petaling Jaya. Bersesuaian dengan aspirasi dan kehendak penduduk Petaling Jaya, komitmen yang jitu serta semangat kerja berpasukan di antara satu sama lain adalah elemen terpenting yang perlu dikehadapkan.

2. **PENJAWAT AWAM BERINTEGRITI TINGGI MAJUKAN NEGARA**

Dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan, elemen integriti perlu diberi keutamaan dan diamalkan oleh setiap kakitangan penjawat awam. Penerapan nilai-nilai integriti amat penting bagi memastikan perkhidmatan yang disampaikan dan pengurusan pentadbiran sentiasa menjalankan tugas dengan profesional, amanah, integriti selain membina mutu kerja cemerlang yang luhur sekaligus

membentuk pasukan yang membudayakan kerja yang berprestasi tinggi.

Kehendak ini juga senada dengan amanat yang disampaikan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad sewaktu Majlis Perjumpaan Bulanan Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya baru-baru ini yang mahukan, penjawat awam mengamalkan nilai-nilai mulia bagi menjayakan negara selain tidak menyalahgunakan kuasa dan amanah yang diberikan untuk kepentingan peribadi.

Beliau juga mengingatkan penjawat awam agar sentiasa memiliki keikhlasan dalam menjalankan tugas bagi membolehkan pembangunan negara tercapai.

Sebagai PBT yang prihatin dan bertanggungjawab, Majlis Bandaraya Petaling Jaya berterusan meningkatkan kualiti system penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat. Pelbagai insfrastruktur dan kemudahan awam telah dan sedang giat dijalankan demi kemudahan masyarakat setempat. Manakala penambahbaikan sistem penyampaian dan perkhidmatan pula sentiasa dikemaskini.

Pembudayaan sistem tadbir urus korporat yang cekap dan berintegriti tinggi, selain perlaksanaan sumber secara efektif dan holistik, dapat dicapai sekiranya pengurusan tertinggi Majlis meletakkan kecemerlangan pada kedudukan paling tinggi selari dengan visi dan misi Majlis.

Saya berharap agar seluruh kakitangan Majlis sentiasa bekerja dalam satu pasukan dan sentiasa berganding bahu dalam apa jua keadaan berpaksikan nilai-nilai murni sebagai pemangkin ke arah mutu kerja yang cemerlang. Saya percaya dan yakin, jika kerjasama dan sikap

bantu membantu sentiasa menjadi amalan, tidak mustahil MBPJ akan terus meraih pelbagai kecemerlangan di masa hadapan.

### 3. **PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB AHLI MAJLIS**

Tahniah dan selamat menjalankan tugas buat semua Ahli Majlis yang baru dilantik bagi penggal 2018/2020. Saya mengalu-alukan Ahli-ahli Majlis semua dapat bersama-sama berkhidmat kepada masyarakat Petaling Jaya, menyumbang buah fikiran yang bernas selain mencurahkan khidmat bakti mengikut kepakaran bidang profesional masing-masing.

Selaku Datuk Bandar Petaling Jaya, ingin saya mengingatkan bahawa peranan dan tanggungjawab Ahli Majlis adalah mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976. Ahli Majlis merupakan **sebahagian daripada sistem pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan**. Tindakan Ahli Majlis tidak boleh bercanggah dengan dasar yang diputuskan oleh Majlis. Ahli Majlis juga merupakan **penasihat kepada Majlis** melalui Mesyuarat Jawatankuasa dan Mesyuarat Penuh Majlis.

Selain itu, Ahli Majlis **mewakili rakyat dalam kawasan pentadbiran Majlis** dengan mewakili kepentingan masyarakat setempat dalam urusan yang berkaitan dengan perkhidmatan perbandaran PBT dan sebagai penghubung bagi menyampaikan kehendak masyarakat setempat. Ahli Majlis juga berperanan dalam **membuat, meminda dan menentukan Undang-undang Kecil** dan menentukan kadar-kadar “fees”.

Ahli Majlis juga sebagai **tenaga penggerak masyarakat** dengan menggalakkan penglibatan orang ramai mengambil bahagian dalam menjayakan sebarang program dan aktiviti yang dianjurkan oleh Majlis seperti gotong-royong, Majlis Mesra Rakyat dan lain-lain.

#### 4. **PENGAUDITAN PENSIJILAN ISO 45001 : 2018 (SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN)**

Wawasan Majlis Bandaraya Petaling Jaya adalah untuk menjadi sebuah bandar raya mampan dan berdayahuni dengan imej dan urus tadbir baik serta persekitaran yang selamat, harmoni dan sejahtera. Bagi memandu perancangan pembangunan bandar raya Petaling Jaya, Majlis telah menyediakan satu rangka kerja pembangunan mampan jangka masa panjang “**Sustainable Petaling Jaya 2030**” dengan menetapkan 5 hala tuju utama iaitu “**alam sekitar**”, “**ekonomi berdaya saing**”, “**budaya dan komuniti**”, “**habitat berdayahuni**” dan “**urus tadbir baik**”.

Pada penghujung 2015, Majlis telah mengadakan bengkel ‘**Petaling Jaya towards a safe & inclusive city**’ bersama lebih 300 *stakeholders* bagi membincangkan isu keselamatan dan persekitaran secara menyeluruh. Hasil daripada bengkel tersebut, satu pelan induk Keselamatan PJ 2015 - 2020 telah dirangka dengan memberi fokus kepada aspek-aspek **keselamatan persekitaran**, **keselamatan infrastruktur**, **keselamatan digital** dan **pengurusan keselamatan & penguatkuasaan**.

Majlis meletakkan isu keselamatan dan kesihatan di tempat kerja di aras paling tinggi. Bagi menunjukkan komitmen ini, Majlis telah menubuhkan **Unit Audit Keselamatan MBPJ** bagi menjalankan audit dan pemantauan terhadap pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (OSHE) agar selaras dengan peruntukan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA 1994) dan Akta Kualiti Persekitaran (EQA 1974).

Bagi memastikan aspek OSHE dipatuhi dan dilaksanakan oleh kontraktor, pada November tahun lalu, Majlis telah memperkasakan syarat-syarat dan keperluan keselamatan diambil kira di dalam senarai kuantiti (BQ) bagi setiap projek-projek pembangunan dan infrastruktur Majlis.

Di samping itu, Majlis juga telah melantik **Pegawai Keselamatan dan Kesihatan** (*safety & health officer*) secara sepenuh masa bagi menjalankan pemantauan yang lebih konsisten dan berterusan terhadap pematuhan OSHE di MBPJ terutamanya dari kalangan kontraktor.

Pengauditan oleh pihak SIRIM QAS International telah diadakan pada 19 & 20 Julai yang lalu dengan fokus kepada skop infrastruktur yang melibatkan 4 Jabatan Teknikal iaitu Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Landskap, Jabatan Perancangan Pembangunan dan Jabatan Kawalan Bangunan. Pengauditan tersebut merangkumi aspek Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di tapak Projek Infrastruktur dan *Nursery Landscape*.

Sejajar dengan namanya persijilan ISO yang merupakan suatu “*world wide standard*” yang dilaksanakan oleh lebih 1 juta organisasi seluruh dunia. Sudah tentunya persijilan ini akan menaikkan lagi imej Majlis, mewujudkan perkhidmatan pelanggan yang lebih efisien, menjimatkan kos operasi, meningkatkan pendapatan Majlis, membangunkan budaya profesionalisme di kalangan kakitangan perkhidmatan serta mewujudkan hubungan yang lebih baik di antara pekerja dan pihak pengurusan.

“**Quality through continual improvement**” akan menjadi satu budaya kerja di MBPJ bukan hanya sekadar mendapat sekeping sijil sebaliknya

pengiktirafan ISO akan memandu Majlis ke arah mencapai tadbir urus baik, iaitu hala tuju utama **Sustainable PJ 2030** yang telah ditetapkan oleh Majlis bersama penduduk Petaling Jaya.

## 5. **PENSIJILAN MS ISO 9001:2015**

Majlis telah berjaya memperolehi pensijilan MS ISO 9001 versi 2015 yang telah diterima Majlis dengan 7 proses utama dan 3 daripadanya adalah proses tambahan baru iaitu:

- i) Proses Kawalan Pembangunan
- ii) Proses Pengurusan Cukai Taksiran
- iii) Proses Pengurusan Lesen Perniagaan
- iv) Proses Penyediaan dan Penyelenggaraan Infrastruktur dan Kemudahan Awam, **serta 3 proses baru**
- v) Proses Pengurusan Kemudahan Awam
- vi) Proses Pengurusan Perkhidmatan Kesihatan, dan
- vii) Proses Pengurusan Sisa Pepejal

Di samping 17 proses sokongan utama antaranya Prosedur Audit Dalaman, Prosedur Anggaran Bajet Tahunan, Prosedur Pengurusan Perolehan, Prosedur Tindakan Penguatkuasaan dan sebagainya.

Pensijilan MS ISO 9001:2015 MBPJ telah diterima daripada International European Certification (IEC) pada 13 Julai 2018. Pengiktirafan bagi kesemua proses ini juga menjadikan MBPJ telah mendokumenkan standard kualiti keseluruhan fungsinya sebagai sebuah pihak berkuasa tempatan di Malaysia.

## 6. **MAJLIS PELANCARAN PROGRAM 5R ADVENTURE BAGI TADIKA DI BAWAH PROGRAM LOW CARBON CITIES FRAMEWORK DAN PROGRAM KITAR SEMULA SEKOLAH-SEKOLAH**

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah melancarkan Program *5R (recycle, reuse, reduce, rethink & reinvent) Adventure* bagi tadika di bawah Program Low Carbon Cities Framework dan Program Kitar Semula Sekolah-sekolah di Petaling Jaya yang bermula pada 10 Julai hingga 30 September 2018.

Program yang diadakan ini bertujuan untuk memupuk sifat kecintaan dan meneruskan amalan kitar semula di kalangan kanak-kanak dan para pelajar sekolah. Program ini juga merupakan julung kalinya dianjurkan oleh MBPJ.

Sebanyak **86 buah** sekolah rendah dan menengah serta **100 buah** tadika menyertai program ini. Sekolah dan tadika yang berjaya mengumpul hasil jualan kitar semula (per kapita) akan berpeluang menerima hadiah wang tunai yang ditaja sepenuhnya oleh Syarikat Fraser & Neave Holdings Bhd (F&N). Barangan kitar semula yang akan diambil kira adalah kertas, plastik, tin aluminium, kotak dan bekas kotak minuman.

Pihak F&N selaku penaja yang menyokong usaha penjagaan alam sekitar juga berperanan membantu MBPJ dengan mengadakan lawatan ke tadika-tadika di Petaling Jaya untuk memberi didikan mengenai penjagaan alam sekitar, kitar semula dan mendidik kanak-kanak untuk melakukan pembersihan di tadika masing-masing.

Hadiah tempat pertama kutipan kitar semula tertinggi bagi tadika adalah sebanyak RM800.00, tempat kedua adalah sebanyak RM500.00 dan tempat ketiga sebanyak RM200.00. Manakala, hadiah istimewa untuk

Kutipan tin minuman tertinggi adalah sebanyak RM300.00 dan hadiah istimewa daripada Tetra Pak Malaysia untuk kutipan bekas kotak minuman tertinggi adalah sebanyak RM300.00.

Bagi kategori sekolah pula, terdapat dua kategori dibahagikan iaitu kategori 1 sekolah rendah manakala kategori 2 untuk sekolah menengah. Hadiah bagi kedua-dua kategori adalah tempat pertama sebanyak RM1,000.00, tempat kedua RM900.00, tempat ketiga RM800.00, tempat keempat RM700.00 dan tempat kelima RM600.00.

Hadiah saguhati juga akan diberikan untuk tempat keenam sehingga kesepuluh iaitu sebanyak RM300.00.

Turut diperkenalkan Anugerah Khas Kutipan Aluminium Tertinggi, Anugerah Khas Kutipan Plastik Tertinggi dan Anugerah Khas Kutipan Kotak Minuman Tertinggi. Masing-masing anugerah tersebut akan menerima RM500.00.

Majlis berharap dengan pelancaran program ini akan mendapat penyertaan dan sambutan yang tinggi daripada pihak pengurusan tadika dan sekolah-sekolah di Petaling Jaya.

#### **7. PEMATUHAN PENETAPAN MASA PEMBERSIHAN BAGI RESTORAN 24 JAM DI PETALING JAYA**

Selaras dengan visi dan misi Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dalam menyediakan kemudahan dan perkhidmatan yang berkualiti bagi penduduk setempat dan pengunjung bandar, kebersihan restoran merupakan aspek penting yang perlu di titik beratkan. Persekitaran tempat makan yang bersih, indah berserta kualiti makanan yang baik dan sihat akan menjadikan Petaling Jaya bebas dari penyakit bawaan makanan selain menjadi tarikan pelancong sekaligus meningkatkan taraf ekonomi pengusaha.

MBPJ komited dalam menjalankan pemeriksaan dan penguatkuasaan terhadap restoran-restoran di Petaling Jaya, malah tugas pemeriksaan itu telah menjadi rutin harian berdasarkan aduan-aduan yang diterima oleh Majlis. Namun dalam memastikan restoran-restoran sentiasa bersih mestilah mendapat sokongan dan kerjasama daripada pemilik premis restoran. Tanpa kerjasama mereka, peningkatan kes keracunan makanan akan semakin meningkat.



Justeru itu, bermula **1 Julai 2018** semua pengusaha restoran 24 jam di Petaling Jaya perlu membuat kerja-kerja pembersihan premis restoran iaitu dari **jam 1 pagi sehingga 3 pagi**. Kerja-kerja pembersihan ini dilakukan bagi memastikan tahap kebersihan menjadi tangga tertinggi di setiap premis restoran di Petaling Jaya.

Dalam masa tersebut, Pegawai Penguatkuasaan Kesihatan akan melakukan pemantauan pemeriksaan dan tiada tindakan penguatkuasaan dikenakan dan hanya akan diambil bermula **1 Ogos 2018**. Majlis memandangkan tahap kebersihan dan kesihatan sebagai keutamaan dan mana-mana premis mahupun restoran yang bersih dan kemas, mereka tidak perlu khuatir di atas pelaksanaan ini.

## 8. KESIHATAN, KEBERSIHAN DAN KESELAMATAN DI PETALING JAYA

### 8.1 KES DENGGI DI PETALING JAYA

Jumlah kes demam denggi mingguan yang dilaporkan sehingga 14 Julai 2018 (minggu epid ke 28/2018) adalah sebanyak **121 kes**. Jumlah ini menunjukkan **peningkatan** kes sebanyak **25 peratus** berbanding kes pada minggu epid 27/2018 dengan jumlah **97 kes**. Purata kes mingguan adalah sejumlah 50 kes seminggu.

Keseluruhan kumulatif kes demam denggi bagi tahun 2018 mencatatkan sejumlah **1,484 kes**. Angka ini menunjukkan penurunan sebanyak **32 peratus** berbanding tempoh yang sama pada tahun 2017, iaitu sejumlah **2,195 kes**. 2 kematian telah dilaporkan setakat ini. Jumlah ini juga adalah yang terendah berbanding 2 PBT lain di daerah Petaling.

Manakala jumlah lokaliti wabak sehingga minggu epid 28 berakhir pada 14 Jun 2018 adalah **48 lokaliti wabak** seperti berikut:

LOKALITI WABAK	JUMLAH WABAK YANG DILAPORKAN PADA 14 JULAI 2018
Wabak Baru (WB)	4
Wabak Terkawal (WT)	30
Wabak Tidak Terkawal (WTK)	8
Hotspot (HS)	6
<b>JUMLAH LOKALITI WABAK</b>	<b>48</b>

Jumlah bilangan kes denggi mengikut zon DUN tahun 2018 sehingga minggu epid 28 adalah seperti berikut:

BIL	DUN	JUMLAH PENDUDUK	BIL. KES	KADAR INSIDEN /100000
1.	BUKIT LANJAN	193,454	281	145
2.	KOTA DAMANSARA	140,960	293	208
3.	SERI SETIA	98,594	334	339
4.	TAMAN MEDAN	92,710	143	154
5.	DAMANSARA UTAMA	73,859	165	223
6.	BUKIT GASING	75,109	176	234
7.	KAMPUNG TUNKU	38,314	89	232

Bilangan Kawasan Hotspot Terkini Dilaporkan (Sehingga 14/7/2018)

Bil	Senarai Nama Lokaliti Wabak	Jumlah Kes Terkini	Wabak Di JangkaTamat
1	SERI SETIA SS7 KELANA PUTERA KONDO	33	25/7/2018
2	SERI SETIA SS7 KELANA PUTERI KONDO	56	25/7/2018
3	SERI SETIA SS 6 APT KELANA SENTRAL	6	30/7/2018
4	BL PJU 10 APT LESTARI	19	27/7/208
5	BL PJU 10 INDAH KONDO	13	26/7/2018
6	BL PJU 9 SD 13 APT SRI MENANTI 2 : BLOK H, J, K, L, M, N, P, Q, R	17	20/7/2018
<b>JUMLAH</b>		<b>144</b>	

## 8.2 Program SEDAR

Pasukan SEDAR, masih aktif lagi dilaksanakan. Sehingga kini, sebanyak **218 pasukan SEDAR** telah ditubuhkan dan di perluaskan kepada lokasi-lokasi seperti berikut:

- 1) 152 Pasukan SEDAR Komuniti
- 2) 51 Pasukan SEDAR Sekolah
- 3) 5 Pasukan SEDAR Tapak Binaan
- 4) 7 Pasukan SEDAR MBPJ
- 5) 2 Pasukan SEDAR Kilang (Western Digital dan Dutch Lady)
- 6) 1 Pasukan SEDAR Hospital (KPJ Damansara Specialist Hospital)

## 9. SUKAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA PERINGKAT KEBANGSAAN 2018

Sejak tahun 1977, **INTERNATIONAL COUNCIL OF MUSEUMS** (ICOM) telah memperkenalkan Hari Muzium Antarabangsa yang disambut pada 18 Mei setiap tahun. Acara ini dijadikan sebagai acara tahunan oleh 102 buah Negara di seluruh dunia dan pada tahun ini, Negeri Melaka Bandaraya Bersejarah telah dipilih menjadi tuan rumah Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2018 yang berlangsung pada 21 hingga 27 Julai 2018 yang lalu. Antara aktiviti yang dijalankan ialah Bengkel, Pameran, Seminar, Heritage Walk, Larian, Aktiviti Kemasyarakatan, Persembahan Kebudayaan, Demonstrasi, dan acara sukan.

Pada tahun ini Muzium Petaling Jaya telah menghantar seramai 25 orang pegawai dan peserta bagi menyertai temasya tahunan ini. Muzium Petaling Jaya telah ditempatkan di kumpulan Zon Tengah

bersama Perbadanan Adat Melayu & Warisan Negeri Selangor (PADAT), Muzium Seni Asia, Muzium FRIM, Balai Seni Lukis, Balai Seni Lukis Negara, dan Muzium Bank Negara. Secara keseluruhan sebanyak 8 zon telah bertanding di kejohanan ini antaranya Zon Utara, Zon Selatan, Zon Timur, Zon Wilayah, Zon Keselamatan, Zon Sabah, dan Zon Sarawak.

Muzium Petaling Jaya telah menyertai sebanyak 4 acara sukan iaitu Futsal, Badminton, Sepak Raga dan juga Dam Aji dari keseluruhan 11 acara sukan yang dipertandingkan. Lebih membanggakan lagi, atlet Muzium Petaling Jaya berjaya mengekalkan rentak kecemerlangan dengan membawa pulang 2 pingat emas dari acara badminton dan sepak raga dan 1 pingat perak dari acara futsal.

Secara keseluruhan Zon Tengah telah berjaya mengekalkan status sebagai Johan Keseluruhan Sukan Hari Muzium Antarabangsa 2018 buat kali ke-2 berturut-turut setelah menjuari edisi yang sama tahun lalu dengan memperolehi 5 pingat emas melalui acara Sepak Raga, Badminton, Bowling, Dart dan Batu Seremban manakala 1 pingat perak melalui sukan Futsal dan 1 Gangsa bagi acara memanah.

**Sekian, terima kasih.**